

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[BESUT]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2019**

**SOALAN NO. 34**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek Rangkaian Kereta Api Pantai Timur (ECRL).

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah disambung semula setelah Perjanjian Tambahan diantara Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) dimeterai pada 12 April 2019. Perjanjian yang ditambahbaik ini melibatkan kos projek yang lebih rendah iaitu sebanyak RM44 bilion berbanding kos asal projek sebanyak RM65.5 bilion.
2. Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek perlaksanaan projek. Hasil utama kajian ini ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.
3. Jajaran baru ini berjaya mengurangkan kuantiti kerja-kerja rawatan tanah dan bilangan terowong dan laluan bertingkat yang perlu dibina sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek. Selain itu, jajaran baru dari Mentakab ke Pelabuhan Klang yang melalui daerah Jelebu di

## **SOALAN NO : 34**

Negeri Sembilan telah mengelakkan Permatang Kuarza Gombak yang dirancang untuk dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO daripada laluan ECRL. Di samping itu juga, stesen-stesen baharu telah dikenal pasti di Selangor dan Negeri Sembilan.

4. Keseluruhan kemajuan projek ECRL adalah pada 11.07 peratus bagi bulan September 2019 setelah mengambil kira kerja-kerja pra pembinaan yang merangkumi kerja-kerja reka bentuk dan perolehan. Di samping itu, kerja-kerja pembinaan bagi terowong dan laluan bertingkat di sepanjang 223km jajaran ECRL di antara Dungun, Terengganu dan Mentakab, Pahang juga sedang berjalan.
5. Bagi proses pengambilan tanah pula, pihak MRL telah menyambung semula proses pengambilan tanah bagi jajaran ECRL di antara Dungun, Terengganu dan Mentakab, Pahang di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah yang mana sebahagiannya telah diwartakan sebelum ini.
6. Selain itu, MRL sebagai pemilik projek ECRL telah mengemukakan Skim Keretapi ECRL pada pada bulan September 2019 bagi jajaran Kota Bharu ke Dungun kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Ini selari dengan keperluan yang dinyatakan di dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) untuk mendapatkan kelulusan bersyarat bagi menjalankan aktiviti Pemeriksaan Awam. Selain itu, penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA), Laporan Penilaian Impak Warisan (HIA) dan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) juga sedang dijalankan bagi mendapatkan kelulusan. Pemeriksaan awam akan dijalankan selama 3 bulan bagi orang ramai meneliti dan memberi maklumbalas terhadap jajaran baharu ECRL dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu.
7. Bagi jajaran Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor, pihak MRL sedang di dalam proses untuk menyerahkan Skim Keretapi untuk mendapatkan kelulusan bersyarat dari Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA), Laporan Penilaian Impak Warisan (HIA) dan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) juga sedang disediakan untuk kelulusan bagi jajaran ini.

Sekian, terima kasih.